

# 19 MoU syarikat Malaysia, China raih pelaburan RM170 bilion

Rekod tertinggi dalam sejarah, bukti keyakinan ekonomi negara



**Daripada Mohd Nasaruddin Parzi di Beijing**

bhnews@bh.com.my

Malaysia memperoleh komitmen pelaburan dari China berjumlah RM170 bilion, terbesar dalam sejarah daripada pelabur dan perniagaan negara itu.

Ia hasil daripada 19 memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai antara syarikat Malaysia dengan China, di sini, semalam.

Pencapaian berkenaan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di hadapan ribuan pelabur dan ahli perniagaan pada Forum Perniagaan Malaysia-China

2023, di sini.

Menurut Perdana Menteri, ia sekali gus menunjukkan keyakinan China, khususnya pelabur dari negara itu terhadap ekonomi Malaysia.

"Ini adalah rekod tertinggi kepada negara, yang mana kami sudah mencapai komitmen pelaburan sebanyak RM170 bilion dari China.

"Saya harus berterima kasih kepada pelabur kerana memberi kerjasama serta keyakinan kepada kami. Ini adalah acara bersejarah dan ia yang terbaik untuk Malaysia dan masa depan," katanya pada forum yang dihadiri kira-kira 1,000 pemimpin perniagaan dari kedua-dua negara yang dihoskan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Terdahulu dalam ucapan pada forum itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan memberi jaminan bahawa kepemimpinannya akan memastikan segala bentuk kemudahan dalam menjalankan perniagaan dan pelaburan di Malaysia, berada pada tahap paling optimum.

"Justeru, bina lebih banyak perkongsian dengan syarikat Malaysia terutama dalam sektor strategik, untuk memajukan hubungan (Malaysia-China) supaya

lebih mendalam.

"Kepada semua pemimpin perniagaan kami baik di China dan Malaysia, jadilah pemangkin kepada pembaharuan," katanya.

## Destinasi pelaburan pilihan

Anwar juga berkata, kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan diperkukuhkan lagi dengan kehadiran syarikat terkemuka China seperti Risen Energy, Huawei, Longi Solar, Bytedance, Jinko Solar, EVE Energy, Alliance Steel, Alibaba Group, Geely Auto Group, Xiamen University dan banyak lagi.

"Menjadi harapan saya agar syarikat ini yang melabur di kawasan strategik akan terus mengembangkan operasi mereka dan bekerjasama dengan rakan kongsi tempatan serta kerajaan untuk membina keupayaan baharu, membangunkan industri utama dan mencipta pekerjaan dengan bayaran gaji yang tinggi kepada rakyat Malaysia," katanya.

Mengulas lanjut mengenai pelaburan dari China itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafri Tengku Abdul Aziz, berkata jumlah pelaburan besar diumumkan Perdana Menteri itu membabitkan komitmen syari-

kat swasta dari China.

Daripada jumlah itu, katanya, komitmen pelaburan RM100 bilion dipersetujui hasil pertemuan Anwar bersama 50 pelabur berprofil tinggi dan tokoh korporat China pada sesi meja bulat, manakala RM70 bilion lagi adalah daripada pemeteraian 19 MoU pada forum berkenaan.

Antara MoU itu ialah perjanjian utama antara DRB-Hicom Bhd dan Zhejiang Geely Holding Group Co., Ltd mengenai cadangan usaha sama dalam pembangunan dan pengkomersialan lembah teknologi tinggi automotif di Tanjung Malim, Perak, untuk kenderaan tenaga baharu serta antara Dewan Perdagangan dan Perindustrian Cina Bersekutu Malaysia dan Dewan Perniagaan China untuk import dan eksport jentera dan produk elektronik.

MoU lain yang dimeterai ialah antara Digital Way Group Sdn Bhd, China Silk Road Group Ltd dan China Kairous Capital untuk sama-sama menubuhkan dana digital dan pembangunan Malaysia-China di China dan Malaysia serta satu MoU mengenai cadangan pembangunan loji sisa kepada tenaga di Malaysia.

Anwar tiba di China Rabu lalu untuk lawatan rasmi empat hari bagi meningkatkan hubungan politik dan perdagangan dua hala yang strategik dengan China.

Kelmarin, Perdana Menteri mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden China, Xi Jinping, di Dewan Besar Rakyat, di sini, disusuli kedua-dua pemimpin mengadakan mesyuarat selama hampir sejam.

Sesuai pertemuan empat mata dengan Jinping, Anwar bersama delegasi Malaysia mengadakan pertemuan dengan Pengerusi Kongres Rakyat Kebangsaan (NPC), Zhao Leji, juga di Dewan Besar Rakyat.

Sebelum itu pada hari pertama ketibaan, Anwar meluangkan masa beramah mesra serta berbuka puasa bersama wakil komuniti Islam setempat dan delegasi Malaysia yang menyertai Forum Boao bagi Persidangan Tahunan Asia (BFA 2023) di Hainan.

China kekal sebagai rakan dagang terbesar Malaysia selama 14 tahun berturut-turut, dengan jumlah perdagangan AS\$110.6 bilion (RM488 bilion) pada 2022.

Dari segi pelaburan, China merupakan pelabur langsung asing terbesar di Malaysia pada tahun lalu dengan pelaburan AS\$12.5 bilion (RM55.16 bilion).